

29 AUG 1997

MISI MUHIBAH MALAYSIA KE AFRIKA DENGAN PACUAN EMPAT RODA

KUALA LUMPUR, 29 Ogos (Bernama) -- Enam belas kenderaan pacuan empat roda yang membawa bendera Malaysia akan menyertai ekspedisi sejauh 17,000 kilometer menjelajah benua Afrika Disember ini untuk mengeratkan hubungan antara Malaysia dan negara-negara di benua itu.

Ekspedisi 4x4 TransAfrika Silverstone yang dipanggil Misi Keamanan, Muhibah dan Harmoni Malaysia ke Afrika dilancarkan hari ini oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Shah Alam.

Peserta ekspedisi akan melalui 12 negara Afrika iaitu Afrika Selatan, Namibia, Botswana, Zimbabwe, Zambia, Tanzania, Uganda, Kenya, Ethiopia, Eritrea, Sudan dan Mesir. Ia akan dilepaskan oleh Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela di Capetown pada 1 Disember dan dijangka berakhir di ibu negara Mesir, Kaherah, 33 hari kemudian.

Berucap pada majlis itu, Abdullah mengucapkan terima kasih kepada beberapa diplomat Afrika yang hadir kerana minat yang ditunjukkan oleh negara mereka bagi menjayakan projek itu di bawah naungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penasihat ekspedisi, Tan Sri Zain Hashim berkata empat daripada kenderaan berkenaan akan mengambil bahagian dalam perarakan kereta sempena sambutan Hari Kebangsaan di ibu negara Ahad ini.-- BERNAMA

MAM OBA